

08/07/2002

Susah cari pemimpin, tidak sukar cari pencaci

SEDUTAN ceramah politik pembangkang yang menghina kepemimpinan Umno, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan kata-kata kesat sebagaimana disiarkan RTM sejak lebih seminggu lalu, anehnya menimbulkan keberangan sesetengah pemimpin parti terbabit. Kononnya ia sebahagian kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit. Kenapa Pas terasa bahangnya sedangkan ia adalah yang sebenarnya tanpa ditokok tambah? Sebabnya ia menyerlahkan perwatakan pemimpin parti itu yang memaki-hamun dan mengeluarkan kata-kata nista untuk tontonan ramai sedang kepala mereka dilitupi ketayap putih kononnya sebagai mencerminkan peribadi Muslim. Siapakah yang ingin Pas perdayakan?

Timbalan Pesuruhjaya Pas Kedah, Mohamad Sabu, dalam ceramahnya yang menggelar Dr Mahathir orang gila, haprak dan dikatakan mahu menjadi Tuhan, antara lain menyatakan seorang pemimpin harus lebih baik daripada dirinya sendiri. Kalaulah itu yang menjadi ukuran, usahkan Dr Mahathir - seorang negarawan ulung yang diiktiraf dan dihormati dunia Islam - malah tidak sukar mencari ramai yang lebih baik peribadinya daripada Ahli Parlimen Kuala Kedah itu. Sekurangnya-kurangnya mereka tidak memaki-hamun, lebih daripada itu tidak langsung berpura-pura di sebalik imej Islam yang tujuannya hanya untuk mengaburi pandangan ramai. Barangkali kepada Mohamad Sabu dan orang sepertinya, tutur-kata sedemikian sekadar gimik politik. Dalam pada itu, hanya mereka yang moralnya teramat rendah sanggup berbuat begitu, apatah lagi kemuliaan agama Islam turut dipersendakan.

Begitu juga Ahli Parlimen Sik, Prof Emeritus Datuk Dr Shahnun Ahmad, yang mendoakan Dr Mahathir cepat mati selain menggelar Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan pelbagai gelaran jelek dan cacian. Bukankah Islam menganjurkan umatnya mendoakan sesuatu yang baik, sekalipun kepada bukan Islam? Adalah sesuatu yang malang, di sebalik kekalutan yang ditimbulkan Mohamad Sabu dan Shahnun, tiada di kalangan kepemimpinan tertinggi Pas yang tampil untuk menegur mereka. Sama ada kata-kata nista yang dihamburkan atas kehendak peribadi atau mewakili Pas sebagai parti yang mendakwa memperjuangkan Islam, sikap berdiam diri mereka yang lebih kanan dalam parti itu membayangkan budaya berkenaan direstui atau sememangnya diingini untuk dijadikan contoh ikutan.

Politik kebencian yang ditaburkan Pas, ditambah pula sikap riak pemimpinnya yang gemar menghentam peribadi dan menghina orang lain kononnya hanya merekalah 'orang baik-baik', jelas sekali berlawanan dengan tuntutan Islam. Ia hanya selayaknya buat golongan yang sudah hilang pedoman agama. Kalau dalam berdakwah sekalipun, kelembutan dan kesopanan amat digalakkan daripada menakut-nakutkan atau mengugut, tiada sebab teguran kepada mereka yang seagama harus berbeza - melainkan Pas berpegang kepada kepercayaan bahawa hanya ahlinya yang benar-benar Islam dan dijamin masuk syurga. Keprihatinan kepemimpinan Umno untuk menghindarkan diri daripada menjawab segala penghinaan Pas dengan cara serupa, hanya menyerlahkan kematangan dan kewarasan mereka. Jika sebaliknya pula, ia tidak ubah seperti merendahkan martabat ke tahap yang hina juga.

Polis sewajarnya menyiasat kandungan ceramah pembangkang seperti ini dari segi hasutan atau fitnah yang memungkinkan kebencian tidak terbandung hingga membawa akibat tidak diingini. Pada masa sama, orang Melayu sendiri patut sedar dan dapat membezakan di antara perwatakan pemimpin yang dapat membela masa depan mereka dengan yang hanya pandai berceramah sekadar

untuk mendapatkan sorakan. Sebenarnya mereka yang bersorak ketika mendengar penceramah melaungkan penghinaan, tidak pun berbeza. Sebaliknya, hanya mereka yang berfikiran waras dalam membezakan di antara kebenaran dan kebatilan, tidak akan mudah terpedaya untuk menerima pemimpin seperti ini.